# Laporan Tahunan JSJK 2012

## JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL



Kulit depan sebelah dalam

# Laporan
# Tahunan JSJK 2012





# VISI

Menjadi Jabatan Penyiasatan Yang Utama, Efisien dan Komited Dalam Memerangi Jenayah Komersil

# MISI

Komited Dalam Menjalankan Siasatan Secara Profesional Untuk Meningkatkan Keyakinan Masyarakat Dan Terus Kekal Relevan

# MOTO

Siasatan Berintegriti Matlamat Kami

# K A N D U N G A N


| | MUKASURAT |
|---|---|
| Prakata | 1 |
| Pengurusan Tertinggi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil | 2 |
| Penolong-Penolong Pengarah | 3 |
| Laporan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil | 5 |

**BAB**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | BAB 1 - Bahagian Pentadbiran/Penyelidikan | 11 |
| 2. | BAB 2 - Bahagian Siasatan | 17 |
| 3. | BAB 3 - Bahagian Operasi Dan Risikan | 27 |
| 4. | BAB 4 - Bahagian Perundangan / Naziran | 31 |
| 5. | BAB 5 - Bahagian Urus Setia Jabatan Siasatan Jenayah Komersil | 35 |
| 6. | BAB 6 - Trend dan Ancaman Semasa Jenayah Komersil | 39 |
| 7. | BAB 7 - Sorotan Tahun 2012 | 45 |

| | GAMBARAJAH | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 1. | Klasifikasi kes jenayah komersil Tahun 2012 | 7 |
| 2. | Perjawatan JSJK Tahun 2012 | 13 |
| 3. | Latihan JSJK 2012 | 14 |
| 4. | Statistik Laporan Polis JSJK 2012 | 19 |
| 5. | Perbandingan Kes Jenayah Komersil Mengikut Kontinjen | 20 |
| 6. | Perbandingan Statistik Kes Jenayah Komersil 2012 | 21 |
| 7. | Perbandingan Kerugian Kes Jenayah Komersil | 22 |
| 8. | Statistik Tangkapan JSJK 2012 | 23 |
| 9. | Tangkapan Melibatkan Warga Asing | 24 |
| 10. | Kadar Penyelesaian Kes Bagi Tahun 2012 | 25 |
| 11. | Kes-kes Jenayah Komersil Yang Dituduh Di Mahkamah | 26 |
| 12. | Statistik Operasi dan Serbuan Sepanjang Tahun 2012 | 29 |
| 13. | Statistik Aktiviti-aktiviti Pencegahan Tahun 2012 | 30 |
| 14. | Pemeriksaan Kertas Siasatan 2012 | 33 |
| 15. | Statistik Kertas Siasatan Warisan Tahun 2012 | 34 |
| 16. | Statistik Pengaduan Awam 2012 | 37 |



Tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat atas kejayaan penerbitan laporan tahunan 2012 ini. Sesungguhnya laporan tahunan ini memperlihatkan kesungguhan dan kegigihan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dalam mencapai petunjuk prestasi yang membanggakan pada tahun 2012, serta usaha berterusan bagi mengekalkan reputasi sebagai agensi penguatkuasaan jenayah komersil yang ulung di negara ini.

Malaysia terus menuju ke arah wawasan menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dalam ketidaktentuan persekitaran luar yang semakin mencabar pada tahun 2012. Prospek pertumbuhan ekonomi masih tidak begitu memberangsangkan disebabkan krisis hutang berdaulat yang sedang dihadapi kawasan Euro serta jangkaan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat yang lebih perlahan. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi sebegini, adalah penting untuk Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), sebagai sebuah agensi utama penyiasatan jenayah komersil yang dipertanggungjawabkan untuk membanteras jenayah kolar putih, untuk sentiasa berwaspada dan bersedia dengan kemungkinan peningkatan jenayah kolar putih. Keupayaan JSJK dalam menangani kes-kes jenayah kolar putih secara tidak langsung mempunyai kaitan rapat dengan kestabilan ekonomi negara di samping menjamin satu suasana perniagaan yang selamat untuk para pelabur dalam dan luar negara. Menyedari hakikat ini, JSJK telah dan sentiasa bersedia dengan perancangan strategik dan pendekatan terkini dalam memastikan kewibawaan JSJK terus dapat dipelihara.

Sepanjang tahun 2012, JSJK telah menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan terutama dari aspek peningkatan kadar jenayah, perubahan trend jenayah dan kewujudan jenayah baru. Namun segalanya telah berjaya ditangani dengan sebaiknya selaras dengan kehendak dan keperluan semasa. Syabas dan tahniah saya ucapkan!

Saya percaya pada tahun 2013, JSJK akan terus kekal utuh dalam melaksanakan fungsi dan tanggungjawabnya selain kekal sebagai sebuah agensi penguatkuasaan jenayah kolar putih yang utama.

Sekian, terima kasih

**(DATO' WIRA SYED ISMAIL BIN DATO' HJ SYED AZIZAN)**
**CP**
Pengarah
Jabatan Siasatan Jenayah Komersil
Polis DiRaja Malaysia

# Pengurusan Tertinggi
# Jabatan Siasatan Jenayah Komersil







1. **PENGARAH**
   CP Dato' Wira Syed Ismail bin Dato' Hj. Syed Azizan
2. **Timbalan Pengarah I**
   DCP Dato' Tajudin bin Md Isa
3. **Timbalan Pengarah II**
   SAC Dato' Mohd Rodwan bin Mohd Yusuf
4. **KPP Siasatan I**
   SAC Dato' Lim Char Boo
5. **KPP Siasatan II**
   SAC Dato' Hasnan bin Hassan
6. **KPP Pentadbiran/Penyelidikan**
   SAC Dato' Mohd Aris bin Hj. Ramli
7. **KPP Jenayah Siber & Maltimedia**
   SAC Wong Wai Loong
8. **KPP Operasi**
   ACP Rohaimi bin Mat Isa
9. **KPP Perundangan/Naziran**
   ACP Mohamed bin Osman

# Penolong-Penolong Pengarah







1. **PP Pentadbiran**
   ACP Zaini bin Jass
2. **PP Risikan**
   ACP Najmi bin Mustaffa
3. **PP Pelbagai**
   ACP Adlan bin Ahmad
4. **PP Korporat**
   ACP Latt Mazura bt. Mansor
5. **PP Pemalsuan**
   ACP Nerita bt. Yaacob
6. **PP Perakaunan Forensik**
   ACP Wan Zainuddin bin Wan Mahmood
7. **PP Jenayah Siber & Maltimedia**
   ACP Mohd Kamaruddin bin Md Din
8. **PP Kewangan**
   ACP Mohd Nordin bin Mohd Idris
9. **PP Naziran**
   SUPT Muniandy a/l Veera
10. **PP Operasi**
    SUPT Mohamed Usuf bin Jan Mohamad
11. **PP Perundangan**
    SUPT Lee Ewe Kiang












# LAPORAN
## PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL

LAPORAN TAHUNAN JSJK 2012

# LAPORAN
# PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH KOMERSIL

## PENDAHULUAN

Secara keseluruhan, saya melihat faktor peningkatan mahupun penurunan dalam jenayah komersil banyak dipengaruhi faktor ekonomi semasa selain didokong oleh kemajuan dan kecanggihan teknologi maklumat. Kesedaran serta ilmu pengetahuan masyarakat berkenaan jenayah komersil juga memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam mempengaruhi perlakuan jenayah itu sendiri. Justeru, berdasarkan perkara-perkara tersebut, didapati statistik jenayah komersil yang dicatatkan pada tahun 2012 tidak banyak berubah daripada tahun sebelumnya.

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 97,685 laporan polis berkenaan kes jenayah komersil telah dicatatkan. Jumlah ini meningkat sedikit sebanyak 396 kes (0.4%) berbanding 97,285 kes yang dicatatkan pada tahun 2011. Daripada jumlah keseluruhan 97,685 laporan polis yang diterima, sejumlah 18,386 kes telah dibuka kertas siasatan manakala 648 kes disiasat melalui KEP (Kertas Enquiri Polis) dan selebihnya diklasifikasikan samada RKM (Rujuk Kepada Mahkamah), RLA (Rujuk Lain Agensi), TTL (Tiada Tindakan Lanjut), ROR (Refer Other Report) dan NOD (No Offence Disclosed). Klasifikasi sebegini diambil memandangkan sebahagian daripada laporan polis yang dibuat tidak mengandungi unsur jenayah komersil yang membolehkan pihak polis menjalankan siasatan lanjut ataupun laporan polis tersebut adalah berkenaan suatu kesalahan yang diluar bidang kuasa pihak polis. Pecahan terperinci bagi klasifikasi laporan polis yang dibuat adalah sepertimana di Gambarajah 1.

**GAMBARAJAH 1 : KLASIFIKASI KES JENAYAH KOMERSIL TAHUN 2012.**



Secara keseluruhan, jumlah kerugian yang dicatatkan bagi kes-kes jenayah komersil tahun 2012 menunjukkan peningkatan sebanyak 35.2% berbanding tahun sebelumnya. Dalam tahun 2012, kerugian yang dicatatkan adalah sebanyak RM 1.62 billion berbanding hanya RM 1.2 billion yang dicatatkan pada tahun 2011. Peningkatan jumlah kerugian ini juga dilihat berkait rapat dengan peningkatan mendadak nilaian hartanah serta aset yang terlibat dalam kes-kes yang dilaporkan.

Daripada jumlah keseluruhan 18,386 kes yang dibuka kertas siasatan, 81.2% adalah berkenaan kes-kes melibatkan kesalahan penipuan dan pecah amanah jenayah. Kes penipuan mencatatkan sebanyak 12,164 kes manakala kes pecah amanah jenayah menyumbang 2,773 kes. Selain daripada kes-kes ini, JSJK turut mengendali kes-kes VCD/DVD haram (1,410 kes), Pemberi Pinjaman Wang Tanpa Lesen (448 kes), pemalsuan (235 kes), salahguna harta dengan curang (154 kes), wang palsu (152 kes), dan lain-lain kes (108 kes).

Antara lain, selain penumpuan kepada siasatan kes-kes lazim jenayah komersil sepertimana di atas, pihak JSJK pada tahun 2012 turut memberikan perhatian khusus kepada siasatan melibatkan kes-kes jenayah siber. Penumpuan ini diberikan ekoran trend semasa yang memperlihatkan kes jenayah siber sebagai antara kes yang sering dilaporkan dan menjadi perbualan hangat masyarakat kini. Sepanjang tahun 2012, sejumlah 942 kes jenayah siber telah dicatatkan. Jumlah ini menurun sebanyak 44% berbanding tahun 2011 yang mencatatkan sebanyak 1,682 kes. Saya yakin, penurunan ini mencerminkan kejayaan JSJK dalam membanteras jenayah siber di mana pada tahun 2011, JSJK telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan unit PCIRC (Police Cyber Integrity Response Center) yang bertujuan untuk mengawasi dunia siber serta meningkatkan keupayaan JSJK dalam mengendalikan kes-kes jenayah siber. Walaupun mencatatkan penurunan, penekanan dalam membanteras jenayah siber akan terus diberikan kerana jumlah kerugian yang diakibatkan oleh jenayah ini dilihat meningkat sebanyak 103% pada tahun 2012 iaitu RM 13.8 juta berbanding RM 6.8 juta pada tahun 2011.

Selaras dengan fungsi JSJK yang berlandaskan perkhidmatan, fokus turut diberikan dari aspek penilaian dan pengawalan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Perkara ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya memandangkan tahap kesedaran masyarakat yang tinggi berkenaan hak mereka sebagai pengadu/rakyat Malaysia. Justeru, dalam melaksanakan matlamat ini, Bahagian Urus Setia JSJK telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan isu berkenaan perkhidmatan JSJK. Pada tahun 2012, sejumlah 843 aduan telah diterima daripada masyarakat merangkumi isu-isu seperti status siasatan kes, khidmat nasihat, maklumat jenayah dan lain-lain. Semua isu-isu ini telah ditangani dengan sewajarnya bagi memastikan mutu perkhidmatan JSJK dapat dikekalkan pada tahap yang optimum di samping memastikan kepuasan pelanggan dapat dicapai secara keseluruhannya.

**Pencapaian Key Performance Indicators (KPI) 2012.**

Selaras dengan KPI Ketua Polis Negara yang telah ditetapkan pada tahun 2012, JSJK sebagai salah satu jabatan dalam PDRM telah dipertanggungjawabkan untuk mencapai sasaran sebagaimana berikut :

**i. Meningkatkan kadar penyelesaian kes dengan sasaran 55% setahun.**

Berakhir 31 Disember 2012, JSJK telah berjaya menyelesaikan sejumlah 14,651 kes berbanding keseluruhan 18,386 kes yang disiasat. Jumlah ini bersamaan 79.7% dan adalah jauh melangkaui sasaran yang ditetapkan.

**ii. Meningkatkan pembanterasan jenayah terancang dan bersindiket, jenayah rentas sempadan serta ancaman kepada keselamatan dalam negara dengan sasaran 45% setahun.**

Sebagai usaha berterusan dalam membanteras kes-kes jenayah komersil terancang dan bersindiket seperti pemberi pinjaman wang tanpa lesen, DVD/VCD cetak rompak, penipuan kad kredit dan sebagainya, JSJK telah melaksanakan sejumlah 4,314 operasi pada tahun 2012 berbanding hanya 3,168 operasi pada tahun 2011. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 36.2%.

**iii. Meningkatkan kadar pertuduhan kes dengan sasaran 10% setahun**

Daripada sejumlah 18,386 kes yang disiasat, sebanyak 6,641 kes bersamaan 36.1% telah berjaya dituduh. Jumlah ini nyata melebihi sasaran 10% yang ditetapkan untuk JSJK.

**iv. Meningkatkan aktiviti-aktiviti pencegahan jenayah melalui aktiviti community policing dengan sasaran kenaikan 25% setahun.**

Selain menjalankan aktiviti pembanterasan jenayah komersil, JSJK turut memberi penekanan kepada aktiviti pencegahan bertujuan untuk mengekang jenayah ini daripada bermula. Untuk itu, pada tahun 2012, JSJK telah menganjurkan sejumlah 10,174 aktiviti berteraskan community policing iaitu aktiviti pameran, mesyuarat dengan penduduk, ceramah, kempen kesedaran dan sebagainya. Jumlah ini meningkat 7.5% daripada jumlah aktiviti tahun 2011 iaitu sebanyak 9,480.

**Perancangan Strategik Tahun 2013**

Sebagai persediaan dalam menangani cabaran tahun 2013, pihak JSJK telah menyusun beberapa perancangan strategik bagi memastikan jabatan ini kekal utuh menjalankan fungsinya dengan efisien dan berkesan. Strategi-strategi yang telah diatur bagi tahun 2013 adalah:

**i. Mewujudkan sistem pangkalan data bersepadu**

Sistem ini yang dijangka diwujudkan di bawah projek KIK (Kumpulan Inovasi dan Kreatif) adalah bermatlamat untuk memberi kemudahan kepada pegawai penyelia untuk memantau kertas siasatan yang dkendalikan oleh pegawai penyiasat di bawah seliaan masing-masing. Antara lain, sistem ini juga bakal direka dengan memuatkan keperluan

terkini yang diperlu oleh pegawai penyiasat seperti rujukan kepada undang-undang, rujukan kepada arahan terkini, manual siasatan, contoh borang, contoh pertuduhan, keputusan terkini mahkamah, panduan telefon dan alamat terkini jabatan-jabatan luar yang berkaitan.

**ii. Memperkasa *Police Cyber Response Centre (PCRC)***

Internet telah membuka ruang yang luas kepada masyarakat bagi menyuarakan pandangan dan kritikan berkaitan isu-isu semasa. Namun begitu, platform yang sama juga telah diekploitasikan oleh segelintir individu tidak bertanggungjawab untuk tujuan memfitnah, menghasut, dan melemparkan tohmahan terhadap individu dan organisasi seperti PDRM. Menyedari perkara ini, PCRC telah ditubuhkan pada penghujung tahun 2011. Bagi tahun 2013, PCRC akan diperkasakan dengan penambahan kelengkapan terkini serta kemahiran pegawai/anggotanya selaras dengan kepentingan penugasannya.

**iii. Kursus dan Latihan**

Dalam menghadapi persekitaran jenayah yang sentiasa berubah dan kompleks, JSJK perlu sentiasa memastikan pegawai dan anggotanya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan terkini bagi memastikan menangani jenayah komersil. Selaras dengan itu, pada tahun 2013, JSJK telah menyusun pelbagai latihan, kursus dan seminar khusus bagi meningkatkan pengetahuan selain meninggikan tahap motivasi warga JSJK sesuai dengan keperluan semasa yang semakin mencabar.




# BAB 1

## BAHAGIAN PENTADBIRAN/ PENYELIDIKAN

# BAB 1 – PENTADBIRAN/PENYELIDIKAN

## 1.1 Perjawatan dan Kekuatan JSJK

Jumlah terkini keanggotaan JSJK di seluruh Malaysia adalah seramai 1,932 orang dengan pecahan 836 Pegawai Kanan, 917 Anggota dan 195 Kakitangan Awam. Jumlah ini bagaimanapun hanya 1.64 % daripada jumlah keanggotaan PDRM secara keseluruhannya iaitu 109,403 orang pegawai dan anggota. Pecahan terperinci adalah sebagaimana ditunjukkan dalam Gambarajah 2. Jumlah keanggotaan ini sedang ditambah baik dalam usaha JSJK untuk menangani jenayah komersil dengan lebih efektif dan berkesan selaras dengan peningkatan jumlah kes yang dicatatkan.

**GAMBARAJAH 2: PERJAWATAN JSJK**

| PANGKAT | PEG. KANAN | | | PANGKAT | ANGGOTA | | | PANGKAT | K/TANGAN AWAM | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | PERJ | KEK | KOS | | PERJ | KEK | KOS | | PERJ | KEK | KOS |
| CP | 1 | 1 | 0 | SI/D | 4 | 5 | -1 | AK W41 | 1 | 1 | 0 |
| DCP | 1 | 1 | 0 | SI | 1 | 3 | -2 | P.TM F29 | 1 | 1 | 0 |
| SAC | 4 | 4 | 0 | SM/D | 9 | 8 | 1 | P.UU L29 | 1 | 1 | 0 |
| ACP | 15 | 15 | 0 | SM | 4 | 12 | -8 | PT (P/O) N26 | 2 | 2 | 0 |
| SUPT | 42 | 39 | 3 | SJN/D | 84 | 93 | -9 | PT (P/O) N22 | 19 | 19 | 0 |
| DSP | 71 | 65 | 6 | SJN | 93 | 135 | -42 | PT (KEW) N22 | 1 | 2 | -1 |
| ASP | 149 | 157 | -8 | KPL/D | 136 | 123 | 13 | PEM. KHAS N22 | 2 | 6 | -4 |
| INSP | 187 | 404 | -217 | KPL | 42 | 72 | -30 | PEM. P S22 | 1 | 1 | 0 |
| | | | | KONS/D | 113 | 150 | -37 | PT (K) N17 | 14 | 12 | 2 |
| | | | | KONS | 88 | 311 | -223 | PT (KEW) W17 | 19 | 18 | 1 |
| | | | | KONS/T | 8 | 19 | -11 | PT (P/O) N17 | 110 | 112 | -2 |
| | | | | | | | | PEM. W L17 | 2 | 2 | 0 |
| | | | | | | | | PEM. P S17 | 1 | 1 | 0 |
| | | | | | | | | J/TEKNIK FT17 | 1 | 1 | 0 |
| | | | | | | | | PAR N4 | 1 | 1 | 0 |
| | | | | | | | | PAR N1 | 2 | 6 | -4 |
| JUMLAH | 470 | 686 | -213 | JUMLAH | 582 | 923 | -341 | JUMLAH | 178 | 186 | -8 |

| PETUNJUK | | |
|---|---|---|
| PER | = | PERJAWATAN |
| KEK | = | KEKUATAN |
| KOS | = | KEKOSONGAN |

| | PERJ | KEK | KOS |
|---|---|---|---|
| JUM. KESELURUHAN | 1230 | 1795 | -565 |

## 1.2 Latihan

Dalam usaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan jati diri warga JSJK bagi menjalankan tugas dengan efektif serta berkesan JSJK telah mengadakan sejumlah 99 kursus/seminar/latihan dalam perkhidmatan sepanjang 2012. Sejumlah 47 kursus/ seminar/ latihan telah diadakan untuk pegawai kanan JSJK, 27 untuk anggota JSJK dan 25 untuk kakitangan awam JSJK. Gambarajah 3 menunjukkan perincian program latihan yang telah diadakan sepanjang 2012.

**GAMBA RAJAH 3: LATIHAN JSJK 2012**

| NAMA KURSUS/SEMINAR/LATIHAN | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | PEGAWAI KANAN | ANGGOTA | KAKITANGAN AWAM |
| 1 | Introduction to digital forensic and investigation course | Kursus Siasatan Saintifik JSJK Siri 1/2012 | Kursus Budaya Kerja Cemerlang Siri 1/2012 |
| 2 | Kursus Bahasa Inggeris Siri 1/2012 | Kursus Komunikasi (Operasi) Gred Dua Bil. 52 Siri 1/2012 | Kursus Pengurusan Bayaran (Bhgn Kewangan) Siri 1/2012 |
| 3 | Kursus Pilihanraya Siri 1/2012 | Kursus Komunikasi (Operasi) Gred Dua Bil. 53 Siri 1/2012 | Kursus 'Team Building' Pegawai Awam (NKRA) PDRM Siri 1/2012 |
| 4 | Kursus Pilihanraya Siri 2/2012 | Kursus Pemantapan Ibadah | Kursus Pemantapan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah |
| 5 | Kursus Pilihanraya Siri 3/2012 | Seminar Perubatan Islam Siri 1/2012 Peringkat Zon 3 | Seminar Perubatan Islam Siri 1/2012 |
| 6 | Kursus Asas Menunggang Motosikal Berat Siri bil 5 | Melwater Training Programme | Melwater Training Programme |
| 7 | Seminar Membentuk Insan Kamil : Kaedah Neuro Linguistik Programming (NLP) | Kursus Terapi Solat Siri 1/2012 | Kursus 'Team Building' LDK 'Train of Trainers' Fasilitator Peg. Awam Siri 1/2012 |
| 8 | Kursus Pilihanraya Siri 4/2012 | Kursus Integriti (Pelaksana) Siri 1/2012 | Kursus ESPKB |
| 9 | Kursus Kepimpinan dan Perintah (Peringkat Menengah) | Kursus Komunikasi (Operasi) Gred II Bil 55 Siri 4/2012 | Kursus Modul Induksi Umum dan Khusus Peg. Awam Siri 1/2012 |
| 10 | Kursus Pemantapan Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah Siri 1/2012 | Kursus Ulangkaji Detektif (JSJK) Siri 1/2012 | Kursus Modul Induksi Umum dan Khusus Peg. Awam Siri 2/2012 |
| 11 | Kursus Bahasa Inggeris Siri 2/2012 | LDP – Community 4P & Gagasan 1 Malaysia | Kursus Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam |
| 12 | Kursus Bahasa Inggeris Siri 3/2012 | Kursus Siasatan Jenayah Bersindiket (JSJK) Siri 1/2012 | Kursus Modul Induksi Umum dan Khusus Peg. Awam Siri 3/2012 |

| NAMA KURSUS/SEMINAR/LATIHAN | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | PEGAWAI KANAN | ANGGOTA | KAKITANGAN AWAM |
| 13 | Kursus Harta Intelek / Intellectual Property Right (IPR) | Seminar Kefahaman Wasatiyyah dan Gagasan 1Malaysia Peringkat Wilayah Persekutuan | Latihan Tranformasi Negara Kesatuan K/ Tangan Perkhidmatan Tadbir Awam Pasukan Polis Malaysia |
| 14 | Bengkel Pengurusan Jenayah 2012 | Kursus Pemahaman Konsep Asas Islam | Seminar Kefahaman Wasatiyyah dan Gagasan 1Malaysia Peringkat Wilayah Persekutuan |
| 15 | Kursus Bahasa Inggeris Siri 4/2012 | LDP – 'Digital Crime Scene Investigation' | Modul Induksi Khusus Pegawai Awam Siri 1/2012 |
| 16 | Melwater Training Programme | Kursus Penyeliaan Detektif Siri 1/2012 | Kursus Pengurusan Keluarga dan Kerjaya Pegawai Awam Siri 2/2012 |
| 17 | Kursus Asas Menunggang Motosikal Berat Siri bil 6 | Kursus Asas Menunggang Motosikal Ringan 'B2' bil 84 Siri 2/2012 | Bengkel Pengurusan Pendaftaran Siri 1/2012 |
| 18 | Bengkel Structure Defect Pangkat SAC Peringkat IP Bukit Aman | Kursus Asas Menunggang Motosikal Ringan 'B2' bil 85 Siri 2/2012 | Kursus "Team Building" Pegawai Awam (NKRA) Siri 2/2012 |
| 19 | Kursus Siasatan Jenayah Siber | Kursus Jenayah Siber Siri 1/2012 | Kursus Induksi Umum Kumpulan II Bil 2/2012 |
| 20 | Kursus Juruaudit Dalaman 5S PDRM Bil 1/2012 | Kursus Komunikasi (Operasi) Gred II bil 56-57 Siri 5-6/2012 | Seminar Pengurusan Ibadah Pesakit Mega 2012 |
| 21 | 2nd Annual Information Security Summit – "Locking Down The Privacy of Organization Systems" | Kursus Asas Perakaunan (JSJK) Siri 1/2012 | Seminar Jalinan Kasih |
| 22 | Bengkel Ketenteraman Awam dari Perspektif JSJ | Kursus Asas Menunggang Motosikal Berat Kelas "B" Bil 4 Siri 1/2012 | Kelas Pengajian Fiqh Wanita Siri 1/2012 |
| 23 | Kursus KBSJKD | Seminar Pengurusan Ibadah Pesakit Mega 2012 | Seminar Kefahaman Islam 2012 |
| 24 | Program INTAN-PPTD Talk 2012 | Kursus Pengurusan Jenazah | Kursus Pembantu Tadbir Siri 1/2012 |
| 25 | LDP – Digital Crime Scene Investigation | Seminar Kefahaman Islam 2012 "Gerakan Homoseksual Di Malaysia" | Kursus Pemantapan Pengurusan Keluarga |

| NAMA KURSUS/SEMINAR/LATIHAN | | | |
|---|---|---|---|
| BIL | PEGAWAI KANAN | ANGGOTA | KAKITANGAN AWAM |
| 26 | MIDAS TALK 2/2012 | Kursus Pemantapan Pengurusan Keluarga | |
| 27 | Kursus Pengenalan Undang-undang Syariah Malaysia Siri 2/2012 | Kursus Jenayah Siber Siri 2/2012. | |
| 28 | Kursus Sains Sukan Tahap 1 Siri 3/2012 | | |
| 29 | Seminar Siasatan dan Pendakwaan | | |
| 30 | Seminar Money Laundering | | |
| 31 | Training Cross Border Financial Investigation | | |
| 32 | Seminar Pengurusan Ibadah Pesakit Mega 2012 | | |
| 33 | Kursus Pengurusan Jenazah | | |
| 34 | Money Laundering Investigation Program – Malaysia 2012, Australian Federal Police | | |
| 35 | In Escap Asia Pasific Business Forum | | |
| 36 | Kelas Pengajian Fiqh Wanita Siri 1/2012 | | |
| 37 | Seminar On Section 114A Evidence Act 1950 | | |
| 38 | Kursus Asas Pengurusan Siri 4/2012 | | |
| 39 | Kursus Dasar Awam Gunaan Siri II | | |
| 40 | Konvensyen Integriti Nasional | | |
| 41 | Kursus Undang-undang Sekuriti dan Kewangan Korporat | | |
| 42 | Persidangan Antarabangsa Hacter Halted Asia Pasific 2012 | | |
| 43 | International Police Management and Leadrship Development Course | | |
| 44 | Seminar Mutual Assistance in Criminal Matters : Can you afford to know it | | |
| 45 | Kursus Effective Public Speaking | | |
| 46 | Kursus Cap Jari dan Fotografi | | |
| 47 | Kursus Pemantapan Aqidah Siri 2/2012 | | |






# BAB 2

## BAHAGIAN SIASATAN

# BAB 2 – BAHAGIAN SIASATAN

## 2.1 Laporan Polis Yang Diterima Sepanjang 2012

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 97,685 laporan polis telah diterima berkenaan kes-kes jenayah komersil. Daripada jumlah ini, 18,386 kertas siasatan telah dibuka manakala selebihnya diklasifikasikan sebagai RKM (Rujuk Kepada Mahkamah), RLA (Rujuk Lain Agensi), TTL (Tiada Tindakan Lanjut), ROR (Refer Other Report) dan NOD (No Offence Disclosed). Daripada keseluruhan 97,685 laporan polis dibuat, Selangor mencatatkan jumlah yang paling tinggi iaitu sebanyak 25,797 laporan polis bersamaan 26.4% diikuti Kuala Lumpur yang menyumbang 16.8% daripada jumlah keseluruhan laporan polis. Johor menyumbang 11.5% diikuti Pulau Pinang (9.8%), Negeri Sembilan (8.2%), Melaka (4.4%), Perak (4.3%), Kedah (4.2%), Sabah (3.8%), Pahang (3.3%), Kelantan (2.3%), Terengganu (2.1%), Sarawak (2.0%) dan Perlis (0.9%).

**GAMBARAJAH 4 : STATISTIK LAPORAN POLIS JSJK 2012**

| BIL | KONTINJEN | JUMLAH LAPORAN | KES DIBUKA | | LAIN-LAIN TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | JUMLAH | % | |
| 1 | SELANGOR | 25,797 | 3,775 | 14.6 | 22,022 |
| 2 | KUALA LUMPUR | 16,388 | 2,707 | 16.5 | 13,681 |
| 3 | JOHOR | 11,280 | 2,968 | 26.3 | 8,312 |
| 4 | PULAU PINANG | 9,527 | 1,155 | 12.1 | 8,372 |
| 5 | NEGERI SEMBILAN | 8,055 | 946 | 11.7 | 7,109 |
| 6 | PERAK | 4,303 | 816 | 19.0 | 3,487 |
| 7 | MELAKA | 4,226 | 1,299 | 30.7 | 2,927 |
| 8 | KEDAH | 4,068 | 821 | 20.2 | 3,247 |
| 9 | SABAH | 3,743 | 1,128 | 30.1 | 2,615 |
| 10 | PAHANG | 3,175 | 947 | 29.8 | 2,228 |
| 11 | KELANTAN | 2,231 | 329 | 14.7 | 1,902 |
| 12 | TERENGGANU | 2,034 | 468 | 23.0 | 1,566 |
| 13 | SARAWAK | 1,982 | 830 | 41.9 | 1,152 |
| 14 | PERLIS | 876 | 197 | 22.5 | 679 |
| **JUMLAH** | | **97,685** | **18,386** | **18.8** | **79,299** |

## 2.2 Perbandingan Kes Jenayah Komersil Mengikut Kontinjen

**GAMBARAJAH 5 : PERBANDINGAN KES JENAYAH KOMERSIL MENGIKUT KONTINJEN**

| BIL. | KONTINJEN | JUMLAH KES | | -/+ | % |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2011 (KES) | 2012 (KES) | | |
| 1 | SELANGOR | 4,943 | 3,775 | -1,168 | 23.6 |
| 2 | JOHOR | 3,162 | 2,968 | -194 | 6.1 |
| 3 | KUALA LUMPUR | 3,507 | 2,707 | -800 | 22.8 |
| 4 | PERAK | 1,718 | 1,299 | -419 | 24.4 |
| 5 | PULAU PINANG | 1,385 | 1,155 | -230 | 16.6 |
| 6 | SABAH | 1,191 | 1,128 | -63 | 5.3 |
| 7 | PAHANG | 1,054 | 947 | -107 | 10.2 |
| 8 | N.SEMBILAN | 982 | 946 | -36 | 3.7 |
| 9 | SARAWAK | 1,028 | 830 | -198 | 19.3 |
| 10 | KEDAH | 1,047 | 821 | -226 | 21.6 |
| 11 | MELAKA | 686 | 816 | 130 | 19.0 |
| 12 | TERENGGANU | 611 | 468 | -143 | 23.4 |
| 13 | KELANTAN | 498 | 329 | -169 | 33.9 |
| 14 | PERLIS | 224 | 197 | -27 | 12.1 |
| **JUMLAH** | | **22,033** | **18,386** | **-3,647** | **16.6** |

Berbanding tahun 2011, jumlah kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2012 dilihat menurun sebanyak 3,647 bersamaan 16.6%. Daripada keseluruhan 14 buah kontinjen di seluruh negara, Kelantan mencatatkan penurunan terbanyak iaitu sebanyak 169 kertas siasatan (33.9%) diikuti oleh Perak sebanyak 24.4% dan Selangor 23.6%. Lain-lain kontinjen turut mencatatkan penurunan kecuali kontinjen Melaka yang mencatatkan peningkatan sebanyak 130 kertas siasatan bersamaan 19%. Senarai penuh adalah sebagaimana ditunjukkan di Gambarajah 5.

## 2.3 Perbandingan Jumlah Kes dan Kerugian Jenayah Komersil

Sebagaimana tahun 2011, kes-kes tipu masih mencatatkan jumlah kes yang tertinggi bagi tahun 2012. Sepanjang 2012, sejumlah 12,164 kes tipu telah dicatatkan. Jumlah ini menurun 17.3% daripada statistik tahun 2011 yang mencatatkan sejumlah 14,267 kes tipu. Lain-lain kes yang menjadi penyumbang tertinggi kepada statistik kes tahun 2012 adalah pecah amanah jenayah, kes VCD/DVD dan jenayah siber. Ketiga-tiga kes ini masing-masing mencatat jumlah 2,773 kes bagi pecah amanah jenayah, 1,410 kes bagi kes VCD/DVD dan 942 kes bagi kes jenayah siber. Kesemua tiga kes ini turut mencatatkan penurunan berbanding tempoh sama tahun 2011. Selain itu, kes-kes lain turut mencatatkan penurunan kecuali kes pemberi pinjaman wang haram (Ah long) yang meningkat kepada 448 kes berbanding 267 kes bagi tempoh sama tahun 2011. Gambarajah 6 menunjukkan perbandingan statistik kes jenayah komersil 2012.

**GAMBARAJAH 6 : PERBANDINGAN STATISTIK KES JENAYAH KOMERSIL 2012**



Walaupun statistik jumlah kes jenayah komersil menunjukkan penurunan pada tahun 2012, namun menyentuh isu jumlah kerugian, tahun 2012 memperlihatkan peningkatan 35.2% berbanding jumlah kerugian pada tahun 2011. Berpandukan gambarajah 7 di bawah, dapat dilihat bahawa pada tahun 2012 kerugian yang dicatatkan adalah sebanyak RM1,619 juta manakala bagi tahun 2011, jumlah kerugian yang dicatatkan adalah sebanyak RM1,197 juta. Kes-kes tipu menyumbang kepada jumlah kerugian yang tertinggi dengan RM1,131 juta dan seterusnya diikuti oleh kes pecah amanah jenayah iaitu sebanyak RM461 juta. Kes pemberi pinjaman wang (Ah Long) dan jenayah siber menunjukkan peringkatan jumlah kerugian yang sangat tinggi iaitu 199.2% untuk kes Ah Long dan 102.9% bagi kes-kes jenayah siber. Majoriti kes-kes lain turut mencatatkan peningkatan dalam jumlah kerugian kecuali kes salahguna harta dengan curang, pemalsuan, wang palsu dan lain-lain kes.

### GAMBARAJAH 7 : PERBANDINGAN KERUGIAN KES JENAYAH KOMERSIL

| KESALAHAN | 2011 (RM) | 2012 (RM) | -/+ | % |
|---|---|---|---|---|
| TIPU | 839,025,123.90 | 1,131,215,262.83 | 292,190,138.93 | 34.8 |
| PECAH AMANAH JENAYAH | 278,117,666.93 | 461,839,751.59 | 183,722,084.66 | 66.1 |
| SALAHGUNA HARTA DENGAN CURANG | 3,739,069.12 | 2,462,431.84 | -1,276,637.28 | 34.1 |
| JENAYAH SIBER | 6,825,366.10 | 13,848,651.30 | 7,023,285.20 | 102.9 |
| PEMALSUAN | 67,806,477.82 | 6,784,169.83 | -61,022,307.99 | 90.0 |
| WANG PALSU | 59,570.00 | 33,343.00 | -26,227.00 | 44.0 |
| APPW | 1,086,890.00 | 3,252,240.00 | 2,165,350.00 | 199.2 |
| LAIN-LAIN KES | 1,164,915.00 | - | -1,164,915.00 | 100.0 |
| **JUMLAH BESAR** | **1,197,825,078.87** | **1,619,435,850.39** | **421,610,771.52** | **35.2** |

## 2.4 Jumlah Tangkapan JSJK 2012.

Sepanjang tahun 2012, sejumlah 6,006 orang telah ditahan oleh pihak JSJK atas pelbagai kesalahan. Sebagaimana ditunjukkan di dalam gambarajah 8, sejumlah 2,534 orang telah ditahan bagi kes-kes tipu yang mana 1,020 orang (40.3%) daripadanya adalah berbangsa Melayu, 580 (22.9%) Cina, 274 (10.8%) India, 146 (5.8%) Lain-lain bangsa dan selebihnya 1,036 (40.9%) terdiri daripada warga asing. Kes VCD/DVD haram mencatatkan jumlah tahanan kedua tertinggi iaitu seramai 1,470 orang diikuti kes pecah amanah jenayah seramai 763 orang, kes pemberi pinjaman wang (Ah Long) 393 orang, kes wang palsu 111 orang, lain-lain kes 106 orang, kes jenayah siber 70 orang, kes pemalsuan 33 orang dan 4 orang untuk kes salah guna harta dengan curang.

**GAMBARAJAH 8 : STATISTIK TANGKAPAN JSJK 2012**



**GAMBARAJAH 9 : TANGKAPAN MELIBATKAN WARGA ASING**




Daripada jumlah keseluruhan 6,006 orang yang ditahan pada tahun 2012, 29.9% atau 1,796 orang adalah merupakan warga asing. Dari jumlah tersebut, 1,352 orang (75.3%) adalah daripada benua Asia (Indonesia, Hong Kong, Cina, Taiwan, India, Pakistan, Filipina dan lain-lain), 424 orang (23.6%) daripada benua Afrika (Afrika Selatan, Nigeria, Cameroon, Ghana, Tanzania dan lain-lain) dan 20 orang (1.1%) adalah daripada negara-negara lain seperti German, United Kingdom, Kazasthan, Itali dan sebagainya.

## 2.5 Kadar Penyelesaian Kes

**GAMBARAJAH 10 : KADAR PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2012**




| | Perlis | Kedah | P. Pinang | Perak | Selangor | K. Lumpur | N. Sembilan | Melaka | Johor | Pahang | Terenggau | Kelantan | Sabah | Sarawak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kes Disiasat | 197 | 821 | 1155 | 1299 | 3775 | 2707 | 946 | 816 | 2968 | 947 | 468 | 329 | 1128 | 830 |
| Kes Selesai | 147 | 635 | 957 | 1046 | 2709 | 2198 | 748 | 513 | 2521 | 792 | 391 | 229 | 1033 | 705 |
| Peratus Selesai | 74.6 | 77.3 | 82.9 | 80.5 | 71.8 | 81.2 | 79.1 | 62.9 | 84.9 | 83.6 | 83.5 | 69.6 | 91.6 | 84.9 |

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2012, sejumlah 18,386 kertas siasatan telah dibuka. Daripada jumlah tersebut, 14,651 kertas siasatan telah dapat diselesaikan bersamaan 79.7%. Peratusan ini meningkat berbanding tahun 2011 yang mencatatkan kadar penyelesaian 71.8% (15,815 kertas siasatan selesai daripada 22,033 kertas siasatan yang dibuka). Sebagaimana ditunjukkan pada gambarajah 10, kontinjen Selangor dan Kuala Lumpur merekodkan jumlah penyelesaian kes tertinggi iaitu masing-masing sebanyak 2,709 dan 2,198. Manakala bagi kadar penyelesaian kes, kontinjen Sabah mencatatkan kadar penyelesaian yang membanggakan dengan 91.6% daripada kertas siasatan yang dibuka dapat diselesaikan. Ini diikuti dengan kontinjen Sarawak dan Johor yang mencatatkan kadar penyelesaian 84.9%. Seterusnya diikuti Terengganu (83.5%), Pulau Pinang (82.9%), Kuala Lumpur (81.2%), Perak (80.5%), Negeri Sembilan (79.1%), Kedah (77.3%), Perlis (74.6%), Selangor (71.8%), Kelantan (69.6%) dan Melaka (62.9%)

## 2.6 Statistik Kes-kes Yang Dituduh

Rekod sepanjang 2012 memperlihatkan sejumlah 6,641 pertuduhan telah dibuat di mahkamah bersamaan 36.1% daripada jumlah keseluruhan 18,386 kertas siasatan yang telah dibuka. Daripada jumlah ini, jumlah pertuduhan tertinggi dicatatkan oleh kontinjen Selangor iaitu sebanyak 2,020 pertuduhan, diikuti Kuala Lumpur (915) dan Pulau Pinang (810). Gambarajah 11 menunjukkan perincian statistik kes-kes jenayah komersil yang dituduh sepanjang tahun 2012.

**GAMBARAJAH 11 : KES-KES JENAYAH KOMERSIL YANG DITUDUH DI MAHKAMAH**




Diukur dari aspek perbandingan, kadar pertuduhan tahun 2012 memperlihatkan sedikit peningkatan berbanding tahun 2011 yang mencatatkan kadar pertuduhan sebanyak 13.5%. Kadar pertuduhan 36.1% yang dicapai pada tahun 2012 juga telah melangkaui sasaran yang ditetapkan dalam Penunjuk Prestasi Utama (KPI) JSJK iaitu sebanyak 10% setahun.



# BAB 3

## BAHAGIAN OPERASI DAN RISIKAN

# BAB 3 – BAHAGIAN OPERASI DAN RISIKAN

## 3.1 Operasi dan Serbuan Sepanjang Tahun 2012

Secara keseluruhannya, sejumlah 4,314 operasi dan serbuan telah dijalankan sepanjang tahun 2012. Semua serbuan dan operasi ini diadakan dalam usaha untuk membanteras dan menyelesaikan kes-kes bersabit jenayah komersil.

**GAMBARAJAH 12 : STATISTIK OPERASI DAN SERBUAN SEPANJANG TAHUN 2012**




Sebagaimana gambarajah 12, sejumlah 1,608 operasi dan serbuan telah dilancarkan bagi membanteras kegiatan VCD/DVD. Manakala, 1,368 operasi dan serbuan telah dijalankan bagi lain-lain kes jenayah komersil, selebihnya 1,338 dilancarkan bagi membanteras pelbagai kes jenayah komersil lain seperti cek pintasan, pemberi pinjaman wang tanpa lesen, penipuan bomoh, penipuan kad kredit, penipuan tiket TOTO, penipuan African Scam dan sebagainya.

## 3.2 Aktiviti Pencegahan

Dalam usaha membanteras jenayah komersil daripada terus berleluasa, masyarakat secara umumnya memainkan peranan penting dalam membendung jenayah ini daripada peringkat awal. Menyedari kepentingan ini, JSJK telah mengadakan pelbagai aktiviti pencegahan secara berterusan khusus untuk memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat berkenaan modus operandi, cara-cara pencegahan dan trend terkini jenayah komersil. Aktiviti pencegahan yang dijalankan adalah merangkumi pameran, dialog, ceramah, program bertemu pelanggan, mesyuarat dengan penduduk, kempen serta program melalui media. Sepanjang tahun 2012, sejumlah 10,174. Gambarajah 13 menunjukkan secara terperinci berkenaan aktiviti-aktiviti ini.

## GAMBARAJAH 13 : STATISTIK AKTIVITI-AKTIVITI PENCEGAHAN TAHUN 2012




Sebagaimana gambarajah di atas, program bertemu pelanggan merupakan aktiviti yang paling banyak diadakan kerana program ini dilihat berkesan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat dan mampu memberikan impak yang diharapkan. Sejumlah 4,782 program bertemu pelanggan telah diadakan sepanjang tahun 2012. Antara lain, sejumlah 1,596 program dialog, 1,477 kempen, 924 mesyuarat dengan penduduk, 654 ceramah, 457 pameran dan 284 program melalui media turut diadakan.












# BAB 4

## BAHAGIAN PERUNDANGAN/ NAZIRAN

# BAB 4 – BAHAGIAN PERUNDANGAN/NAZIRAN

## 4.1 Pemeriksaan Kertas Siasatan

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2012, 8 pemeriksaan telah dijalankan oleh Bahagian Naziran JSJK Bukit Aman melibatkan IPD Gombak, IPD Brickfields, Kelantan, Terengganu, Johor, IPD Subang Jaya, Melaka dan Perlis. Skop pemeriksaan adalah tertumpu kepada beberapa perkara sebagaimana berikut :

4.1.1. Beban tugas pegawai penyiasat

4.1.2. Kedudukan kertas siasatan dan kertas siasatan warisan

4.1.3 Kedudukan barang kes

4.1.4 Penugasan dan prestasi detektif

**Gambarajah 14 : Pemeriksaan Kertas Siasatan 2012**

| KONTINJEN / DAERAH | TARIKH PEMERIKSAAN | JUMLAH KERTAS SIASATAN DIPERIKSA |
|---|---|---|
| IPD Gombak | 16-18 Jan. 2012 | 552 |
| IPD Brickfields | 13-21 Feb. 2012 | 2,315 |
| Kelantan | 22-24 Apr. 2012 | 670 |
| Terengganu | 24-26 Apr. 2012 | 1,425 |
| Johor | 16-19 Jul. 2012 | 1,468 |
| IPD Subang Jaya | 18-21 Sept 2012 | 1,152 |
| Melaka | 22-25 Okt. 2012 | 1,098 |
| Perlis | 04-06 Dis. 2012 | 312 |
| **JUMLAH** | | **8,992** |

## 4.2 Kertas Siasatan Warisan (cold cases)

Secara keseluruhan, pada awal tahun 2012, JSJK mencatatkan sejumlah 7,945 kertas siasatan warisan. Jumlah ini meningkat sejumlah 42 kertas siasatan berbanding 7,903 kertas siasatan warisan yang dicatatkan pada Disember 2011. Peningkatan ini secara lazimnya adalah ekoran persaraan mahupun pertukaran pegawai penyiasat di kontinjen yang berkenaan. Gambarajah 15 menunjukkan perubahan dalam bilangan kertas siasatan warisan bagi tahun 2012.

**GAMBARAJAH 15: STATISTIK KERTAS SIASATAN WARISAN TAHUN 2012**




Daripada gambarajah tersebut, dapat dilihat semua kontinjen kecuali Kuala Lumpur telah menunjukkan penurunan dalam jumlah kertas siasatan warisan. Hanya kontinjen Kuala Lumpur yang mencatatkan kenaikan daripada sejumlah 1,108 kertas siasatan warisan pada awal tahun menjadi 1,598 kertas siasatan warisan pada penghujung tahun 2012. Justeru, dalam menangani masalah ini, beberapa pendekatan telah diambil sebagaimana berikut :

4.2.1 Mesyuarat berkala berkenaan kertas siasatan warisan.

4.2.2 Membuat kajian berkenaan kertas siasatan berkenaan.



# BAB 5

## BAHAGIAN URUS SETIA JSJK

# BAB 5 – Bahagian Urus Setia JSJK

Selain siasatan dan pencegahan, antara elemen lain yang diambil perhatian bagi memastikan mutu perkhidmatan JSJK kekal di tahap yang terbaik adalah pengaduan awam. Sebagai sebuah agensi yang berteraskan perkhidmatan, kebolehan untuk mengendalikan pengaduan awam memainkan peranan penting terutama apabila melibatkan imej dan kredibiliti jabatan. Justeru, JSJK telah menubuhkan Bahagian Urus Setia yang berperanan untuk mengendalikan sebarang aduan yang diterima daripada masyarakat khususnya berkenaan aspek siasatan yang dijalankan pihak JSJK. Sehingga kini, pihak Urus Setia JSJK telah mengendalikan pelbagai aduan yang diterima melalui surat, panggilan telefon, email, mahupun walk-in terus ke pejabat Urus Setia JSJK.

**GAMBARAJAH 16 : STATISTIK PENGADUAN AWAM 2012**




Sebagaimana ditunjukkan pada gambarajah 16, sepanjang 2012, Bahagian Urus Setia JSJK telah menerima 843 aduan yang dipecahkan kepada 5 kategori aduan yang berbeza iaitu pertanyaan status siasatan, tiada makluman siasatan, khidmat nasihat, info berkenaan kejadian/kesalahan jenayah dan lain-lain. Sejumlah 222 aduan yang diterima adalah berkenaan pertanyaan status siasatan kes. Manakala selebihnya, 111 adalah berkenaan maklumat kegiatan jenayah, 99 berkenaan khidmat nasihat kes-kes jenayah komersil, 87 aduan ekoran tiada makluman berkenaan siasatan kes mereka dan selebihnya 23 adalah lain-lain aduan seperti aduan melibatkan kes-kes jenayah kekerasan, aduan kes-kes melibatkan siasatan agensi penguatkuasa lain dan sebagainya.




# BAB 6

## TREN DAN ANCAMAN SEMASA JENAYAH KOMERSIL

# BAB 6 – TREN SEMASA JENAYAH KOMERSIL

Sebagaimana tahun-tahun kebelakangan ini, tren jenayah komersil bagi tahun 2012 tidak memperlihatkan perubahan yang ketara. Kes-kes jenayah komersil melibatkan penggunaan kecanggihan teknologi semasa atau dalam kata lain, jenayah siber masih mendominasi tren semasa jenayah komersil. Merujuk kepada statistik jenayah siber bagi tahun 2012, perangkaan mendapati wujud penurunan sebanyak 740 kes daripada 1,682 kes pada tahun 2011 kepada hanya 942 kes pada tahun 2012. Bagaimanapun, klasifikasi kes jenayah komersil dalam konteks ini terhad kepada kes-kes yang disiasat di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 sahaja.

Perlu diingatkan penyalahgunaan kecanggihan dunia siber kini tidak terhad kepada kes di bawah Akta Jenayah Komputer 1997 sahaja, malahan ianya telah menular kepada kes-kes di bawah akta lain seperti Kanun Keseksaan. Pelaku-pelaku jenayah kini semakin bijak memanipulasi penggunaan teknologi bagi tujuan salah terutama melibatkan penggunaan email, media sosial, dan telekomunikasi. Kecanggihan teknologi siber ini seringkali digunakan sebagai medium untuk melakukan kesalahan jenayah khususnya penipuan yang mana di dalam kebanyakan kes, didapati mangsa dan suspek berhubung/ berkenalan melalui internet.

Kes-kes yang sering dilaporkan berkenaan jenayah jenis ini:

## 6.1 African Scam

Kes-kes sebegini biasanya didalangi sindiket yang terdiri daripada warga Afrika. Mereka didapati sering menggunakan rangkaian internet khususnya laman sosial seperti facebook, tagged, twitter dan lain-lain untuk mencari serta memperdayakan mangsa. Sepanjang tahun 2012, sejumlah 946 kes African Scam telah disiasat melibatkan kerugian keseluruhan berjumlah RM 40.9 juta. Jumlah ini menurun 150 kes berbanding tahun 2011 yang mencatatkan sejumlah 1,117 kes dengan kerugian RM 49.5 juta.

Modus operandi yang kerap digunakan adalah sebagaimana berikut:

### 6.1.1 Parcel Scam

Mangsa dalam kes-kes parcel scam pada lazimnya akan berkenalan dengan suspek melalui laman sosial. Suspek seterusnya akan meyakinkan mangsa bahawa dia telah jatuh cinta dengan mangsa dan seterusnya berhasrat mengirimkan bungkusan kepada mangsa sebagai tanda cinta. Setelah bungkusan tersebut dikirim, mangsa akan dihubungi oleh seseorang yang mendakwa sebagai pegawai kastam atau syarikat kurier dan memaklumkan bungkusan yang dikirim kepada mangsa telah sampai. Mangsa kemudiannya diarah membayar cukai atau insurans kerana bungkusan tersebut dikesan mengandungi wang/barang berharga yang tidak diisytihar. Mangsa turut menerima panggilan daripada warga tempatan yang mengatakan wang clearance perlu dibayar ke dalam akaun tertentu yang lazimnya dimiliki warga tempatan. Mangsa hanya sedar ditipu apabila barang yang dijanjikan tidak diterima dan pihak sindiket berterusan meminta wang daripada mangsa dengan memberikan pelbagai alasan yang berbeza.

### 6.1.2 Love Scam

Modus operandi yang digunakan di dalam penipuan jenis ini tidak banyak berbeza daripada parcel scam. Mangsa biasanya akan berkenalan melalui internet dan kemudiannya bercinta. Lazimnya suspek akan mendakwa ingin ke Malaysia kerana ingin mengahwini pengadu namun apabila tiba di Malaysia, suspek/ahli sindiket akan menhubungi pengadu dan mendakwa suspek telah ditahan oleh pihak berkuasa atas beberapa kesalahan. Mangsa kemudiannya dikehendaki membayar sejumlah wang bagi membolehkan suspek dilepaskan.

### 6.1.3 Penipuan Wasiat

Suspek akan memaklumkan bahawa mangsa telah dikesan sebagai pewaris untuk menerima harta pusaka peninggalan seseorang yang telah meninggal dunia. Harta tersebut biasanya berada di luar negara. Beberapa dokumen sokongan dari jabatan kerajaan tertentu, Kementerian Kehakiman, Mahkamah, Bank Negara Malaysia dan sebagainya disertakan untuk menyakinkan mangsa. Mangsa samada rakyat Malaysia sendiri atau luar negara yang kononnya datuk/moyang mereka pernah satu ketika dulu berada di Malaysia dan merupakan hartawan yang tidak mempunyai waris ketika kematiannya. Dalam kes seumpama ini suspek akan mengenakan bayaran untuk menguruskan perpindahan wang tersebut kepada mangsa. Namun hakikatnya harta yang didakwa tidak wujud.

## 6.2 Penipuan e-Banking

Kes-kes sebegini merupakan kes pengeluaran wang secara tidak sah dari akaun bank. Sepanjang 2012, sejumlah 1,737 kes begini telah direkodkan dengan kerugian berjumlah RM 5.08 juta. Jumlah kes ini bagaimanapun menurun sebanyak 117 kes berbanding tahun sebelumnya yang mencatatkan sejumlah 1,854 kes dengan kerugian keseluruhan RM 5.8 juta. Kebanyakan kes disebabkan kecuaian pihak pelanggan kerana mendedahkan Personal Identification Numbers (PIN) dan passwords (kata laluan) kepada pihak ketiga. Dalam kebanyakan kes, mangsa menerima sms kononnya mangsa telah memenangi hadiah wang tunai. Bagi menuntut hadiah, mangsa diarah membuka akaun perbankan internet dan seterusnya mengikut arahan yang diberikan oleh orang yang tidak dikenali termasuklah mendedahkan nombor PIN serta menjadikan telefon bimbit sindiket sebagai medium untuk menerima sms kod pengesahan bank.

Kaedah lain yang sering digunakan adalah phishing – memperdayakan mangsa untuk mendedahkan maklumat akaun bank atau kad kredit dengan menghantar email palsu seolah-olah dihantar oleh pihak yang sah seperti institusi perbankan yang meminta mangsa mendedahkan maklumat peribadi, atau mengalih mangsa ke laman web palsu yang menyerupai laman web sah.

## 6.3 Macau Scam

Ahli-ahli sindiket ini kebanyakannya merupakan warga Taiwan. Di dalam kebanyakan kes, mangsa akan dihubungi oleh ahli sindiket yang akan menyamar sebagai pegawai bank dan memaklumkan bahawa mangsa mempunyai tunggakan kad kredit. Kadangkala, ahli sindiket juga akan menyamar sebagai pegawai polis dan menghubungi mangsa dan mendakwa mangsa terlibat dalam satu kes penggubahan wang haram. Apa yang

menarik, nombor yang akan muncul pada telefon bimbit mangsa merupakan nombor sebenar pihak bank atau pihak Bukit Aman. Siasatan yang dijalankan mendapati ahli sindiket akan menggunakan satu teknik yang dikenali sebagai caller id spoofing yang mana teknik ini membolehkan ahli sindiket menentukan nombor apakah yang akan muncul pada skrin telefon mangsa yang akan dihubungi.

Dalam kes ini, mangsa yang terpedaya dengan panggilan yang diterima seterusnya akan menurut segala arahan yang diberikan kepada mereka sehingga akhirnya diarahkan memindahkan wang milik mereka kepada kepada akaun sindiket.

Pada tahun 2012, sejumlah 821 kes sebegini telah dicatatkan dengan kerugian mencecah RM 22.4 juta. Berbanding tahun 2011 yang mencatatkan sejumlah 981 kes, jumlah kes dicatatkan pada tahun 2012 menurun sebanyak 160 kes namun menunjukkan kenaikan dari aspek jumlah kerugian yang mana tahun 2011 hanya mencatatkan kerugian berjumlah RM 21.4 juta.




# BAB 7

## SOROTAN TAHUN 2012

# BAB 7 – SOROTAN TAHUN 2012



Pengarah NFCorp hadapi 4 tuduhan

Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail hadapi tuduhan berasingan melakukan pecah amanah babitkan RM49.7 juta, guna harta syarikat tanpa kebenaran mesyuarat agung

## 7.1 Kes National Feedlot Corporation (NFC)

Pada awal tahun 2012, pihak JSJK telah menjalankan satu siasatan ke atas Syarikat National Feedlot Corporation (NFC) yang merupakan sebuah syarikat yang telah dianugerahkan geran kerajaan sebanyak RM 250 juta untuk Projek Entreprenuer Development Programme bagi melahirkan pengusaha ladang ternakan lembu. Laporan polis dibuat berkenaan dakwaan dana kerajaan yang diperolehi telah digunakan untuk membeli kondominium One Menerung, Bangsar bernilai RM 9.8 juta. Satu pasukan siasatan di peringkat JSJK Bukit Aman telah diwujudkan dan siasatan telah dijalankan menjurus kepada unsur pecah amanah jenayah dalam penyalahgunaan dana kerajaan tersebut. Siasatan telah berjaya diselesaikan dan suspek yang terlibat telahpun dituduh di Mahkamah di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan. Perbicaraan kes ini masih dijalankan.



Jual 'ijazah USM'

Lelaki hadapi pertuduhan perdaya RM14,500 mengaku tidak bersalah

Fakta

## 7.2 Kes Ijazah Palsu

Pada Jun 2012, satu laporan polis telah dibuat oleh pihak Universiti Sains Malaysia berkenaan sindiket penawaran ijazah palsu melibatkan nama universiti tersebut di internet. Setiap ijazah didakwa dijual melalui laman web khas dengan harga RM4,888 setiap satu. Ekoran laporan polis tersebut, satu pasukan siasatan telah dibentuk oleh JSJK dan berdasarkan siasatan yang dijalankan, pihak JSJK mendapati sindiket tersebut telah membuat pengiklanan ijazah palsu tersebut melalui laman web dan akan meminta pembeli memasukkan wang ke dalam akaun yang ditetapkan sebelum ijazah tersebut diserahkan. Siasatan yang dijalankan turut membawa kepada penahanan beberapa suspek

Selain ijazah daripada USM, pihak JSJK turut menjalankan siasatan terhadap kes penjualan ijazah palsu daripada universiti luar negara yang didalangi oleh sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Jakri Education Group di Subang Jaya, Selangor. Siasatan yang dijalankan mendapati seramai 525 orang termasuk seorang Tan Sri dan ahli Politik telah membeli ijazah palsu daripada IPTS terbabit yang turut beroperasi secara dalam talian sejak tahun 2003. Siasatan juga turut mendapati empat daripada nama universiti yang digunakan di dalam ijazah tersebut iaitu University of Rockhampton, Harvey International University Amerika Syarikat serta Canning Brook University dan Glastanbury University, United Kingdom adalah benar-benar wujud. Hanya Charles Molnar University yang didakwa terletak di Afrika Selatan didapati tidak wujud.



# Labur RM20,000 dapat PhD

» Dua graduan palsu tak tahu universiti tidak wujud

"Saya mengikuti pengajian secara online sejak 2009 dan ada beberapa kali menghadiri kelas di premis IPTS itu di Subang Jaya"

## 7.3 Sindiket Penipuan Internet

JSJK Kuala Lumpur telah berjaya menumpaskan satu sindiket penipuan yang didalangi warga Afrika yang menjalankan aktiviti penipuan melalui internet dan dipercayai telah mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Dalam serbuan yang dijalankan, seramai 17 orang lelaki warga Nigeria, seorang wanita tempatan dan seorang wanita Thailand telah ditahan. Modus operadi yang kerap digunakan oleh kumpulan ini adalah sama sebagaimana kegiatan sindiket 'parcel scam' di mana, ahli sindiket akan mencari dan berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial Facebook. Mangsa yang terperdaya dengan pujuk rayu ahli kumpulan ini kemudiannya akan diarahkan membayar sejumlah wang kononnya untuk menuntut bungkusan yang dihantar kepada mereka yang mengandungi barang berharga.



Sindiket didalangi warga Afrika sewa tiga kondo jadi markas penipuan internet

# Penipu rakan Facebook dicekup

"Tukang masak itu berkenalan dengan seorang wanita dari United Kingdom menerusi Facebook dan selepas tiga bulan wanita terbabit ingin menghantar bungkusan sebagai hadiah

IZANY




MOHD. Rodwan Mohd. Yusof (dua dari kiri) menunjukkan peralatan rangkaian jalur lebar televisyen protokol Internet yang dirampas pada sidang akhbar di Butterworth, Pulau Pinang, semalam.

# Sindiket siaran IPTV diserbu

BUTTERWORTH 5 Okt. - Satu sindiket pembekal sistem penyiaran televisyen melalui prasarana rangkaian jalur lebar televisyen protokol Internet (IPTV) tanpa lesen sejak setahun lalu diserbu dalam operasi bersepadu di Kondominium Park View Tower, di sini semalam.

Operasi bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Siber Sekuriti itu bermula kira-kira pukul 11 pagi di lima lokasi di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Dalam serbuan itu, polis menahan 12 suspek termasuk dua wanita dipercayai terlibat dalam sindiket tersebut yang mengakirasi sejak setahun lalu itu sebelum membuat serbuan dalam operasi bersepadu.

"Antara peralatan dirampas adalah peranti seperti komputer, talian komunikasi dan dekoder media berasaskan perisian untuk disambung kepada televisyen yang dianggarkan bernilai RM400,000," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Katanya, serbuan itu dibuat berdasarkan laporan syarikat penyiaran swasta yang kerugian akibat kegiatan sindiket itu.

Menurutnya, pelanggan yang ingin menggunakan siaran itu perlu membeli dekoder dengan harga RM400 manakala yuran bulanan minimum melalui kad prabayar sebanyak RM29

## 7.4 Sindiket Siaran IPTV

Pada Oktober 2012, pihak JSJK dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Siber Sekuriti telah melancarkan serbuan di lima lokasi yang berbeza di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis bagi melumpuhkan kegiatan sindiket pembekal sistem penyiaran televisyen melalui prasarana rangkaian jalur lebar televisyen protokol internet (IPTV) tanpa lesen.Dalam operasi tersebut, 9 lelaki dan 3 wanita telah berjaya ditahan dan hasil siasatan mendapati salah seorang daripada mereka adalah pengarah urusan syarikat terbabit. Siasatan yang dijalankan mendapati syarikat terbabit tidak mempunyai lesen yang sah dan menjalankan aktiviti memberi perkhidmatan aplikasi kandungan tanpa kebenaran. Tindakan sindiket tersebut menjual aplikasi kandungan televisyen dari luar negara kepada pelanggan secara tidak sah adalah melanggar peruntukan Seksyen 205 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.

# Tipu guna nama kementerian

Kosmo 12/10/12 pg 9

Oleh MEGAT RAMLI MEGAT RAOF

SHAH ALAM - Kelicikan tiga lelaki menyamar sebagai pegawai di dua buah kementerian hingga menyebabkan seorang pemaju bergelar Datuk kerugian RM1.6 juta tidak ke mana apabila kesemuanya ditahan baru-baru ini.

Suspek-suspek berusia antara 29 hingga 52 tahun tersebut ditahan sekitar di sini dan ibu negara pada 2 dan 3 Oktober lalu selepas diyakini menawarkan lesen perniagaan agensi nombor ramalan palsu kepada mangsa berumur 55 tahun pada 2010.

Mereka menyamar sebagai pegawai dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kewangan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Selangor, Asisten Komisioner Chong Mun Phing berkata, suspek ditahan selepas pihaknya menjalankan siasatan selama empat bulan sebaik menerima laporan mangsa Jun lalu.

Katanya, kejadian berlaku apabila salah seorang suspek menyamar Datuk dan mengaku sebagai Pegawai Unit Tindakan Khas, KDN berpangkat Senior Asisten Komisioner telah bertemu dan menawarkan lesen itu kepada mangsa.

"Mangsa kemudian dibawa ke sebuah kementerian lain di Putrajaya untuk berjumpa rakan suspek yang bergelar Datuk berusia 45 tahun untuk berbincang di luar pejabat sebelum mangsa bersetuju menyerahkan RM1.6 juta secara berperingkat.

"Tanpa membuat semakan, mangsa seterusnya menyewa beberapa buah kedai di Selangor dan Kuala Lumpur. Suspek pula memberi pelbagai alasan setiap kali mangsa bertanyakan mengenai lesen," katanya pada sidang akhbar semalam.

Tambahnya, selepas puas menunggu lesen, mangsa yang curiga kemudian membuat semakan di kementerian berkaitan dan terkejut apabila dimaklumkan dokumen yang diserahkan adalah palsu.

Menurut Mun Phing, polis yang menjalankan siasatan dapat menahan Datuk tersebut bersama pengawal peribadinya di Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur pada 2 Oktober lalu manakala seorang lagi diberkas ketika berada di rumah di Shah Alam dua hari kemudian.

"Polis turut merampas empat cop termasuk Jabatan Perdana Menteri dan pelbagai dokumen palsu yang disorok di peti simpanan di Masjid Jamek dan KL Sentral, Kuala Lumpur yang disewa suspek," katanya.

Ujar Mun Phing, pihaknya percaya terdapat empat lagi mangsa yang telah ditipu sindiket tersebut dan suspek turut mengeluarkan permit import (AP) kereta terpakai palsu.

Kesemua suspek kini direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan iaitu tipu.



MUN PHING (kiri) menunjukkan sebahagian dokumen palsu yang dirampas daripada tiga lelaki pada sidang akhbar di Shah Alam semalam.

## 7.5 Sindiket Lesen Palsu

Bertindak atas maklumat, pihak JSJK telah berjaya menumpaskan kegiatan tiga lelaki termasuk seorang ahli perniagaan yang menjalankan kegiatan penipuan dalam permohonan lesen perniagaan nombor ramalan. Siasatan yang dijalankan mendapati suspek menyamar sebagai pegawai khas di Kementerian Dalam Negeri untuk menipu mangsa. Bagi mendapatkan keyakinan mangsa, suspek akan menunjukkan beberapa dokumen termasuk kad kuasa dan beberapa dokumen kementerian. Mangsa yang terperdaya akan diarah untuk membayar sejumlah wang bagi mendapatkan lesen perniagaan yang tidak wujud.

## 7.6 Sindiket Penjualan Diesel Palsu

Dalam satu serbuan yang dijalankan pihak JSJK Perak. Satu sindiket penjualan diesel palsu melibatkan jumlah kerugian RM 1 juta telah berjaya ditumpaskan. 5 lelaki warga Indonesia telah berjaya ditahan dan siasatan yang dijalankan mendapati modus operandi yang digunakan adalah dengan memberikan bank deraf palsu dalam menjalankan kegiatan jual beli diesel.

# Sindiket diesel RM1j tumpas

» *Lima warga Indonesia tipu ahli perniagaan ditahan*

FAKTA NOMBOR

100,000 tan





## 7.7 Sindiket Penipuan ‘Love Scam’



# Sindiket tipu janda sunyi

Polis tahan tujuh kasanova Nigeria perdaya andartu, ibu tunggal

Bertindak atas maklumat, pihak JSJK Melaka telah berjaya memberkas ahli sindiket penipuan yang terdiri daripada lelaki Nigeria yang dipercayai bergiat aktif menipu ramai wanita yang kesunyian sehingga mengakibatkan kerugian dipercayai ratusan ribu ringgit. Siasatan yang dijalankan mendapati sindiket tersebut berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial dan menggunakan gambar-gambar lelaki kacak daripada Eropah untuk menggoda mangsa. Setelah mangsa jatuh cinta, ahli sindiket akan mengarahkan mangsa untuk menyerahkan wang kepada mereka.



# Sindiket jual tanah palsu tumpas

IPOH – Polis Perak berjaya menumpaskan sindiket penipuan urus niaga pembelian tanah yang tidak wujud dengan menggunakan geran tanah dan dokumen pengenalan palsu baru-baru ini.

Ketua Polis Perak, Datuk Mohd. Shukri Dahlan berkata, tujuh termasuk lima lelaki dan dua wanita yang dipercayai anggota sindiket berkenaan ditahan berikutan aduan dua mangsa pada 4 dan 5 Jun lalu melibatkan kerugian RM650,000.

"Pemilik kedai tayar dan kontraktor pembinaan berkenaan masing-masing mendakwa kerugian RM500,000 dan RM150,000 apabila terbeli tanah yang tidak wujud di Gombak, Selangor daripada sindiket berkenaan.

"Mereka menyedari tertipu setelah mendapati geran tanah yang diserahkan sebenarnya palsu malah anggota sindiket berkenaan turut disyaki menggunakan dokumen pengenalan palsu semasa berurusan dengan mangsa," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak di sini semalam.

Mohd. Shukri berkata, semua tujuh suspek berkenaan berumur antara 44 tahun hingga 71 tahun termasuk seorang peguam yang telah digantung tauliah oleh Majlis Peguam Malaysia ditahan di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan bandar raya ini secara berperingkat-peringkat dari 6 Jun lalu hingga awal bulan ini.

Ujarnya, turut dirampas dua geran tanah, dua kad pengenalan dan dua lesen memandu yang semuanya didapati palsu, manakala tiga daripada tujuh suspek berkenaan mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau melibatkan kesalahan penipuan, pemalsuan dan memiliki dadah.

"Modus operandi sindiket berkenaan ialah menyamar sebagai pemilik tanah dengan menggunakan geran tanah palsu yang dicetak menggunakan kertas rasmi pejabat tanah dan galian.

"Sindiket ini juga berurusan dengan mangsa dengan menggunakan kad pengenalan dan lesen memandu palsu yang diubah suai dengan memasukkan foto mereka tetapi mengandungi butir pemilik tanah asal," katanya.

SEBAHAGIAN geran tanah, kad pengenalan dan lesen memandu palsu yang dirampas daripada sindiket penjualan tanah palsu di Ipoh semalam.

## 7.8 Sindiket Penipuan Tanah

Kegiatan satu sindiket penipuan penjualan tanah yang tidak wujud telah dapat ditumpaskan oleh pihak JSJK dengan penahanan 5 lelaki dan 2 wanita pada Jun 2012. Penahanan ini berjaya dilakukan hasil siasatan ke atas laporan polis yang dibuat mangsa-mangsa yang telah mengalami kerugian berjumlah RM 650,000 hasil pembelian tanah yang tidak wujud di Gombak, Selangor.

*Dicetak oleh:*

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

PNMB

Cawangan Kuala Terengganu

Jalan Sultan Mohamad, 21100 Kuala Terengganu

Tel: 09-620 4154 / 55 Faks: 09-622 5154 / 622 3274

Website: http://www.printnasional.com.my

e-mail: pnmbkt@printnasional.com.my

Kulit belakang sebelah dalam